

Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan dan Kemanusiaan

[MAIK's Impact on The Indigenous Community in Kelantan State: Analysis in Terms of Welfare and Humanity]

Muhammad Solihin bin Abd Razak¹ & Nawi@Mohamad Nawi Bin Ismail²

¹ (Corresponding Author) Faculty of Language Studies and Human Development (FBI), Universiti Malaysia Kelantan, 16300, Malaysia, e-mail: muhammadsolihinrazak@gmail.com

² Faculty of Language Studies and Human Development (FBI), Universiti Malaysia Kelantan, 16300, Malaysia, e-mail: nawi.ismail@umk.edu.my

ABSTRACT

This article aims to highlight the welfare and humanitarian activities undertaken by the Council of Islamic Religion and Malay Customs of Kelantan (MAIK) in support of the indigenous community in Kelantan. MAIK is best known as an organisation that implements religious programs in indigenous villages. However, few people are aware of MAIK's assistance in ensuring the welfare of the indigenous community and humanitarian programs carried out in the interior. This demonstrates that MAIK is involved in welfare, humanitarian issues, and religious programs. This article was written to investigate MAIK's role in interest and humanity towards Kelantan's indigenous community. Therefore, writing this article is an effort to highlight the activities carried out by MAIK.

Keywords: *Welfare, MAIK, Indigenous Community Kelantan*

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan aktiviti kebajikan dan kemanusiaan yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) terhadap komuniti orang asli di Negeri Kelantan. MAIK melalui Unit Dakwah lebih dikenali sebagai agensi yang melaksanakan pelbagai program keagamaan di perkampungan orang asli. MAIK tidak hanya memfokuskan kepada program keagamaan malah turut terlibat dalam soal kebajikan dan kemanusiaan. Namun tidak ramai yang mengetahui bantuan yang

disalurkan oleh MAIK dalam menjaga kebajikan komuniti orang asli dan program kemanusiaan yang telah dijalankan di pedalaman sana. Kajian ini dilakukan melalui kaedah kualitatif di mana pengkaji menggunakan kaedah temu bual dan turut mendapatkan maklumat daripada bahan bacaan ilmiah yang lain bagi mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti kebajikan dan kemanusiaan yang dilakukan oleh MAIK. Artikel ini dihasilkan bagi mengupas peranan MAIK dalam hal kebajikan dan kemanusiaan terhadap komuniti orang asli di Kelantan. Oleh itu, penulisan artikel ini adalah usaha untuk mengetengahkan aktiviti dan program yang dijalankan oleh MAIK.

Kata kunci: Kebajikan, MAIK, Komuniti Orang Asli Kelantan.

How to Cite:

Received : 23-03-2023 Razak, M. S. A., & Ismail, N. M. N. (2023). Peranan
Accepted : 27-05-2023 MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli di Negeri
Published : 31-05-2023 Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan dan
Kemanusiaan. *RABBANICA - Journal of Revealed
Knowledge*, 4(1), 91-108.

1. Pendahuluan

Malaysia merupakan negara majmuk yang di dalamnya terdapat masyarakat dari pelbagai latar belakang agama, bangsa dan keturunan yang hidup dengan aman harmoni. Kaum Melayu merupakan kaum majoriti di Malaysia diikuti oleh kaum Cina, kaum India dan lain-lain kaum. Golongan minoriti yang lain adalah kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak di samping komuniti orang asli di semenanjung Malaysia (Malaysia Buku Rasmi Tahunan 1977:17). Menurut takrifan perlembagaan Malaysia, komuniti orang asli turut tergolong dalam golongan kaum bumiputera. Orang asli merupakan etnik peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Mengikut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134, Pindaan 1974), orang asli merujuk kepada:

- a. Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan rumpun bangsa orang asli, yang bercakap dalam bahasa orang asli dan lazim mengikut cara hidup Orang Asli, adat dan kepercayaan Orang Asli, termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki orang itu.
- b. Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh orang asli dan yang telah di didik sebagai seorang orang asli, lazim bercakap dalam bahasa orang asli, lazim mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan adalah seorang dari sesuatu masyarakat orang asli atau;
- c. Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan orang asli

dengan seorang lelaki dari suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa orang asli, lazim mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan dan masih lagi menjadi seorang dari sesuatu masyarakat orang asli.

Komuniti orang asli di negeri Kelantan merupakan komuniti orang asli ketiga teramai selepas negeri Perak dan Pahang. Penempatan mereka tertumpu pada tiga jajahan iaitu Jajahan Gua Musang, Jajahan Lojing dan Jajahan Jeli. Mengikut bancian yang di lakukan oleh MAIK pada bulan Januari 2023, di negeri Kelantan terdapat 4,830 keluarga orang asli yang menetap di 20 buah Pos di seluruh Kelantan. Tiap-tiap suku mempunyai bahasa yang tersendiri, bagaimanapun Bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan bagi semua kaum orang asli selain daripada bahasa Temiar. Kebanyakan mereka menganut fahaman 'Animisme' dan percaya kepada roh-roh dan semangat hutan. Komuniti orang asli di Kelantan masih lagi menganut agama animisme atau agama yang di anuti turun temurun dari nenek moyang lagi.

Namun demikian, mutakhir ini corak kehidupan masyarakat ini telah mengalami perubahan. Kebanyakan daripada mereka sudah mula menerima agama Islam sebagai pegangan hidup. Kebanyakan daripadanya telah menganut Agama Islam dan selebihnya lain- lain agama. Mengikut bancian yang di lakukan oleh MAIK pada Januari 2023, 3,214 ketua isi rumah (KIR) orang asli merupakan beragama Islam yang menjadikan jumlah peratusan sebanyak 66.5% KIR orang asli negeri Kelantan beragama Islam (Siti Farahida, 2023). Komuniti orang asli negeri Kelantan di letakkan di bawah golongan Saudara baru orang asli yang sentiasa menerima bimbingan dan bantuan berterusan daripada MAIK. Saudara baru atau Muallaf merupakan perkataan yang tidak asing lagi bagi kita, saudara baru secara definisinya merujuk kepada orang yang baru memeluk Islam. Manakala menurut Syed Qutb (2000) Muallaf atau saudara baru sebagai golongan manusia yang telah kembali kepada Islam dan kekal mengamalkan ajaran Islam dengan sebaiknya.

Namun dalam konteks saudara baru MAIK, saudara baru di bahagikan kepada dua kumpulan, Saudara Baru Orang Asli dan Saudara Baru Bukan Orang Asli. Hal ini bagi membezakan pengislaman saudara baru komuniti orang asli daripada yang lain. Tujuan di bahagikan kepada dua kumpulan adalah untuk memudahkan pihak MAIK dalam mentadbir, mengurus, mengumpul data dan maklumat tentang pengislaman komuniti orang asli seterusnya memudahkan bantuan untuk disalurkan kepada komuniti tersebut.

Pejabat Unit Dakwah Orang Asli yang bertempat di Masjid Tengku Muhammad Faiz Petra, Gua Musang merupakan unit yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan orang asli Islam. Unit

Dakwah yang diketuai oleh Ustazah Siti Farahida binti Fauzi dan di bantu oleh beberapa kakitangan yang lain bertindak dalam merangka dan melaksanakan program-program kepada komuniti orang asli di negeri Kelantan. Program yang dilaksanakantidak terhad kepada orang asli Islam sahaja namun ia juga mengalu-alukan komuniti orang asli yang belum Islam untuk turut serta dalam program yang dianjurkan. Kebiasaannya program yang dianjurkan adalah bersifat kemasyarakatan seperti Ziarah Dakwah ke perkampungan orang asli dan Kelas Fardhu Ain Muallaf (KFAM).

Pihak MAIK juga turut memperuntukkan sejumlah dana yang besar melalui Unit Dakwah dan Unit Agihan bagi tujuan melancarkan gerak kerja dakwah MAIK di pedalaman dan pada masa yang sama untuk membantu komuniti orang asli Islam yang memerlukan bantuan. Sebagai contoh, bantuan khairat kematian dan bantuan kewangan kepada keluarga si mati, saguhati perkahwinan kepada anak muda komuniti orang asli yang berkahwin, biasiswa kepada anak komuniti orang asli yang terpilih yang melanjutkan pengajian di kolej atau universiti tempatan dan banyak lagi.

Bagi acara tahunan seperti Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha setiap keluarga orang asli akan menerima bantuan ataupun sumbangan berupa hamper dan daging korban, MAIK memperuntukkan sejumlah besar dana bagi menjayakan pemberian hamper sempena Hari Raya Aidilfitri Kepada KIR Orang Asli di seluruh negeri Kelantan. Setiap keluarga akan menerima hamper hari raya. Pada Hari Raya Aidiladha pula MAIK dengan bantuan NGO-NGO lain akan mengagihkan daging korban kepada setiap keluarga orang asli di Kelantan. Hal ini bertujuan untuk sama-sama memeriahkan lagi suasana hari raya diperkampungan orang asli (Siti Farahida Fauzi 2021).

2. Kajian Literatur

Komuniti orang asli di Malaysia merupakan komuniti terawal yang mendiami bumi Malaysia, berdasarkan kajian yang dilakukan bertajuk Sejarah, Adat dan Warisan orang asli Jahut di Pahang menyatakan komuniti orang asli telah mendiami Malaysia semenjak kurun ke 5 Masihi lagi. Adapun kehadiran mereka di bumi Kelantan adalah hasil daripada pergerakan sosio ekonomi yang dijalankan mereka dalam mencari rezeki melalui memburu. Kedatangan mereka dahulu adalah sebagai pengembara yang mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain dari Kelantan utara ke Perak utara dan mereka hanya tinggal di dalam bangsal kecil. (Hood Salleh, 1985). Meskipun begitu, corak kehidupan mereka telah berubah di mana kehidupan komuniti orang asli semakin baik dan komuniti mereka telah menjadikan 20 buah tempat di

belantara Kelantan sebagai tempat tinggal mereka.

Dari segi pekerjaan, kebanyakan mereka menjadikan pencarian dan penjualan hasil hutan sebagai sumber ekonomi utama. Disebabkan pendapatan yang tidak menentu menjadikan hal ini sebagai faktor yang menyumbang kepada kemiskinan komuniti orang asli di samping pelbagai faktor lain antaranya faktor pendidikan, kemahiran dan terasing daripada komuniti lain (Juli Edo, 2008). Dari segi ekonomi kemiskinan ditentukan berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK). PGK merupakan keperluan asas atau pendapatan yang diperlukan oleh seseorang isi rumah untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan untuk setiap ahlinya (Ma'rof, R. 2010).

Komuniti orang asli di Kelantan juga tidak terlepas dari belunggu kemiskinan. Namun pengkaji berpendapat, kemiskinan bagi komuniti orang asli di Kelantan bersifat subjektif. Hal ini kerana sebahagian daripada mereka tidak menganggap mereka miskin, bagi mereka selagi ada makanan untuk dimakan dan ada tempat tinggal untuk didiami ini sudah memadai untuk hidup (Jumaat bin Abok, 2023). Hal ini bertepatan dengan pendapat Hardjono & Fajri Kirana Anggarani (2019) yang mengatakan kemiskinan mesti difahami dari aspek-aspek yang lain juga termasuk dari aspek psikologi, yakni tentang kecukupan seseorang dalam menjalani kehidupan seharian atau sebaliknya iaitu ketidakcukupan seseorang dalam memenuhi keperluan hidupnya. Selagi seseorang berasa cukup dalam menjalani kehidupan seharian maka itu sudah memadai bagi mereka untuk merasa senang.

Peranan MAIK terhadap komuniti orang asli di negeri Kelantan khususnya kepada komuniti orang asli Islam adalah untuk meringankan beban mereka dalam menjalani kehidupan seharian. Tugas MAIK selain daripada menolong mereka yang memerlukan bantuan adalah membantu mereka untuk keluar daripada kesusahan yang dialami. Oleh itu fokus MAIK kepada kebajikan dan kemanusiaan terhadap komuniti orang asli negeri Kelantan merupakan satu agenda penting yang harus dilaksanakan (Siti Farahida, 2023).

Pelbagai bentuk bantuan telah disalurkan kepada komuniti orang asli merangkumi bantuan perayaan, bantuan perubatan, bantuan sara hidup, bantuan perkahwinan, bantuan pengajian, bantuan kecemasan dan bencana. MAIK telah memperuntukkan sejumlah besar dana bagi memenuhi tanggungjawab dalam menjaga kebajikan dan kemanusiaan komuniti orang asli di negeri Kelantan. Untuk makluman, pada tahun 2019 MAIK telah membelanjakan sebanyak RM1,451,015.00, pada tahun 2020 sebanyak RM1,854,115.19, tahun 2021 sebanyak RM1,888,959.01 dan pada tahun 2022 sebanyak RM1,136,609.91 telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut sahaja (Siti Farahida Fauzi, 2023).

3. Metode Kajian

Metode penyelidikan merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan hasil kajian yang berkualiti. Metode penyelidikan merupakan satu elemen penting dalam memastikan kajian yang dilakukan tidak tersasar dan mengikut landasan yang betul (Siti Adibah & Siti Zubaidah 2018). Kajian yang dilakukan di dalam penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menjadikan kaedah temu bual separa berstruktur sebagai alat untuk mendapatkan dapatan kajian. Berdasarkan pemerhatian dan penilaian pengkaji, kaedah temu bual merupakan kaedah terbaik bagi mendapatkan maklumat untuk kajian ini, hal ini bertepatan dengan pendapat Scensul (1999) yang menyatakan temu bual separa berstruktur adalah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor objektif kajian. Selain itu, kajian ini turut menjadikan jurnal, artikel, dokumentasi dan bacaan ilmiah sebagai sumber dapatan kepada kajian ini.

Temu bual yang dijalankan ini melibatkan pihak MAIK, Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Guru Agama Orang Asli, MAIK (GAOA) dan orang tokoh komuniti orang asli yang menjadikan jumlah responden kajian seramai 10 orang sebagaimana jadual berikut:

Jadual 1 : Responden Kajian

Bil	Jabatan	Penempatan	Jumlah
1	MAIK	-	1
2	PMOA	RPS Kuala Betis	1
3	GAOA	Pos Aring Pos Pasik Sungai Rual Pos Handrop Pos Lebir Pos Belatim	6
3	TOKOH KOMUNITI ORANG ASLI	RPS Kuala Betis Pos Hau	2
JUMLAH :			10

Pengkaji berpendapat jumlah responden dianggap sudah memadai. Hal ini kerana data yang diperolehi sudah mencapai pada tahap “*redundancy*” ataupun telah sampai pada tahap tepu. Jika pengkaji menambah bilangan responden, hasil dapatan yang diperolehi tetap sama dan tidak ada maklumat tambahan yang diperolehi lagi tentang kajian yang dijalankan (Sugiyino, 2013). Temu bual bagi mendapatkan dapatan kajian ini dilakukan pada bulan Januari dan Februari 2023 bertempat di Pejabat MAIK dan Surau Taman Sri Galas, Kuala Betis. Adalah penting bagi pengkaji untuk menemu bual semua responden di atas bagi

mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang kajian ini.

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang diperolehi melalui temu bual yang dijalankan menampakkan hasil yang positif. Komuniti orang asli Islam amat berterima kasih dengan kecaknaan MAIK terhadap komuniti mereka dan telah menjadikan komuniti tersebut terbela dari bentuk kebajikan (Syukri, 2023). Kelebihan kita (Islam) berbanding gerakan lain ialah, kebajikan yang terjamin dan kepantasan dalam menyantuni komuniti orang asli yang memerlukan merupakan suatu perkara yang perlu dijaga (Aris Rami, 2023).

Walaupun merupakan badan organisasi Islam, MAIK tidak pernah mengabaikan komuniti orang asli yang belum Islam. Setiap kali berlaku bencana, MAIK antara yang terawal menyalurkan bantuan ke perkampungan yang terjejas tanpa mengira latar belakang agama (Siti Farahida dan Aris Itam, 2023). Kaedah ini merupakan serampang dua mata bagi MAIK, menjaga kebajikan dan kemanusiaan dan dalam masa yang sama memperkenalkan agama Islam kepada komuniti orang asli yang belum Islam dengan nilai-nilai yang baik bagi menarik minat mereka untuk mendekati Islam.

4.1 *Kebajikan*

Menurut Dewan edisi keempat kebajikan membawa erti perbuatan baik, sesuatu yang membawa kebaikan kepada orang lain. Kebajikan di dalam bahasa mudahnya ialah tolong-menolong ataupun kebaikan, perbuatan tolong-menolong amat di galakkan di dalam Islam malah umat Islam diseru agar tolong-menolong sesama insan.

Jelas disini menunjukkan menjaga kebajikan sesama insan amat digalakkan di dalam Islam. Malah Allah SWT menggesa hamba-hambanya untuk berbuat kebajikan, Allah SWT berfirman:

﴿وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ١٣٣ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكُظُمِيقِ وَالْعَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ١٣٤﴾

Terjemahan: Berlumba-lumbalah untuk mendapatkan keampunan tuhan kalian di samping syurga yang luasnya seluas petala langit dan bumi. Syurga tersebut disediakan untuk orang yang betaqwa dan menginfakkan harta mereka dalam keadaan senang dan susah. (Ali-Imran, 3: 133-134).

Berdasarkan ayat al-Quran di atas maka jelas di sini bahawa Islam menganjurkan kita untuk berbuat kebaikan dan tolong menolong sesama kita dan ganjaran yang besar menanti sesiapa yang berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan.

Ditambah pula dalam hal ini, komuniti orang asli juga merupakan golongan saudara baru yang perlu diberi perhatian dan pertolongan kerana turut tergolong dalam golongan asnaf agar hati mereka terus teguh dan lembut untuk mengamalkan ajaran Islam.

4.2 *Kemanusiaan*

Menurut kamus Dewan edisi keempat perkataan kemanusiaan berasal daripada manusia bermaksud makhluk yang mempunyai akal budi. Manakala kemanusiaan membawa erti perihal atau sifat-sifat manusia. Kemanusiaan merupakan satu etika asas yang bertepatan dengan *altruisme*. *Altruisme* merupakan satu amalan yang mengutamakan orang lain berbanding diri sendiri (Batson, C.D, 1991). Amalan ini merupakan satu amalan yang mulia dan bertepatan dengan kehendak dan tuntutan agama Islam sebagaimana firman Allah di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُحْلُوا شَعِيرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْقَلَئِدَ وَلَا ءَامِينَ الْبَيْتِ
الْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ أَن
صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ
وَآتُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

Terjemahan : Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar agama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan (keMakkah untuk korban), dan mengenai kalong-kalong binatang hadiah itu, dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah Al-Haraam, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka (dengan jalan perniagaan) dan mencari keredaanNya (dengan mengerjakan ibadat Haji diTanah Suci); dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari masjid Al-Haraam itu -mendorong kamu menceroboh. Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong- tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya). (al-Ma'idah, 5: 2)

Islam hadir untuk membebaskan manusia daripada masalah sosial yang bersifat menindas baik dari segi politik, budaya, jantina, ekonomi dan lain-lain (M.Syukri Ismail, 2018). Allah SWT memerintahkan manusia agar sentiasa tolong-menolong diantara satu sama lain dalam hal kebajikan dan melarang daripada melakukan perbuatan yang salah.

4.3 *Bantuan Yang Dilaksanakan Oleh MAIK*

Bantuan yang dilakukan oleh MAIK dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kebajikan dan kemanusiaan. Umum mengetahui MAIK merupakan institusi agama Islam yang menjaga hal-hal berkaitan agama Islam dan umat Islam negeri Kelantan. Maka bantuan yang diberikan hanya tertumpu kepada umat Islam tanpa mengira bangsa dan warna kulit termasuk komuniti orang asli Islam.


Istilah kebajikan disini merujuk kepada usaha MAIK dalam menjaga komuniti orang asli Islam. Namun ini tidak bermakna MAIK tidak menghulurkan bantuan kepada komuniti orang asli bukan Islam. Kemanusiaan pula merupakan bantuan yang dihulurkan pihak MAIK tanpa mengira agama dan latar belakang komuniti orang asli yang terlibat. Bantuan yang dihulurkan kepada komuniti orang asli bukan Islam diberikan atas dasar kemanusiaan sesama insan dan sebagai salah satu cara untuk menarik mereka mendekati agama Islam.

4.4 *Bantuan Kebajikan*

Menurut Azmi Jaafar, (2023) kebajikan menjadi senjata utama MAIK dalam menjaga komuniti orang asli Islam. Tambah beliau lagi, komuniti orang asli amat berterima kasih akan kecaknaan yang ditunjukkan oleh MAIK dalam menjaga kebajikan mereka. Telah menjadi kewajipan MAIK untuk menjaga kebajikan komuniti orang asli Islam sebaik mungkin agar mereka terus diberi pertolongan sewajarnya (Siti Farahida, 2023). Pertolongan yang diberikan bersifat menyeluruh sebagaimana di bawah:

I. Bantuan Agihan Bulanan Kepada Asnaf Orang Asli:

Rajah 1: Bantuan Agihan Bulanan Kepada Asnaf Orang Asli bagi tahun




Bagi meringankan beban asnaf orang asli, MAIK melalui Unit Agihan menyalurkan bantuan bulanan sebanyak RM 400.00 kepada asnaf.

Seramai 133 orang penerima pada tahun 2019, penerima bagi tahun 2020 dan 2021 seramai 125 orang dan 101 orang penerima pada tahun 2022.

Bantuan diagihkan bagi meringankan bebanan yang ditanggung oleh mereka. Bantuan yang disalurkan ini bersifat bulanan. Amaun akan dikreditkan terus kepada penerima yang mempunyai akaun bank namun bagi mereka yang tidak mempunyai akaun bank, wang bantuan akan diagihkan melalui Cawangan Unit Dakwah Gua Musang untuk diserahkan kepada penerima. (Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2022)

II. *Bantuan Tajaan Pengajian Dan Sara Hidup Kepada Pelajar Orang Asli:*

Rajah 2: Bantuan Pengajian dan Sara Hidup kepada Pelajar Orang Asli bagi




tahun 2019-2022

MAIK turut melaksanakan bantuan tajaan pengajian kepada pelajar daripada komuniti orang asli yang melanjutkan pelajaran di beberapa Institut pengajian tinggi. Tajaan pengajian dan sara hidup ini melibatkan 4 orang pelajar bagi tahun 2019, 8 orang bagi tahun 2020 dan 3 orang pelajar bagi tahun 2022 yang terdiri daripada komuniti orang asli yang melanjutkan pelajaran di Universiti Sultan Azlan Syah (USAS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Teknologi Darul Naim (KTD), Politeknik Kota Bharu dan Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP).

MAIK turut membuka peluang pekerjaan kepada pelajar tajaannya sebagai Guru Agama Orang Asli (GAOA) sekiranya berminat dan melepasi pemilihan yang diadakan. Untuk makluman terdapat beberapa orang GAOA yang terdiri daripada lepasan pengajian IDIP

yang menabur bakti sebagai pendakwah di kawasan pedalaman. (Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2019-2022)


Rajah 3 : Bantuan Kecemasan (kematian dan sakit)



Bagi menjaga kebajikan komuniti orang asli, MAIK melalui Unit Dakwah menyediakan bantuan kecemasan bagi mereka yang memerlukan seperti kematian dan sakit. Bantuan kecemasan diperuntukkan sebanyak RM 150.00 – RM 200.00 bergantung kepada keadaan pemohon. Bantuan kecemasan diberikan kepada mereka yang memerlukan bantuan dengan kadar segera dalam jumlah yang kecil. Bantuan ini bertujuan untuk memastikan golongan yang memerlukan dapat disantuni secepat mungkin. (Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2022)

III. Bantuan Perkahwinan:

Rajah 4: Bantuan Perkahwinan bagi tahun 2019-2022




Komuniti orang asli diketahui sangat berpegang teguh dengan adat resam dan kepercayaan mereka. Hal ini meliputi sebahagian hidup mereka termasuklah perkahwinan. Sebilangan orang asli Islam masih lagi mengamalkan perkahwinan secara adat sesama mereka. Hal ini kerana kurangnya kefahaman tentang perkahwinan secara Islam di kalangan mereka ditambah lagi menurut pendapat mereka perkahwinan secara adat lebih mudah urusannya berbanding perkahwinan mengikut perundangan (Syukri, 2022).

Bagi golongan komuniti orang asli Islam yang akan melaksanakan perkahwinan, MAIK memperuntukkan RM 200.00 kepada pasangan yang berkahwin sebagai saguhati sempena perkahwinan mereka. Bantuan perkahwinan merupakan satu inisiatif daripada pihak MAIK bagi menggalakkan komuniti orang asli Islam agar mendaftar perkahwinan dan seterusnya dapat menggalakkan komuniti orang asli berkahwin secara sah mengikut perundangan. (Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2022)

IV. Bantuan Pengurusan Jenazah:

Rajah 5: Bantuan Pengurusan Jenazah bagi tahun 2019-2022




Umum mengetahui, bantuan pengurusan jenazah untuk orang asli Islam akandiuruskan oleh pihak MAIK. Jika jenazah berada di hospital maka urusan bayaran akan dilaksanakan oleh MAIK berdasarkan bil tuntutan yang diberikan manakala urusan pengebumian akan dilaksanakan oleh PMOA dan GAOA di perkampungan. Jika kematian berlaku di perkampungan orang asli, PMOA dan GAOA akan menguruskan jenazah sehingga kepada pengebumian.

Bagi tahun 2019 dan 2020 sebanyak 20 kes pengurusan jenazah telah berjaya diuruskan, pada tahun 2021 sebanyak 14 kes dan 2022 MAIK telah memberikan bantuan pengurusan jenazah kepada 25 kes kematian komuniti orang asli. Bantuanyang dihulurkan adalah untuk meringankan beban keluarga si mati atas kehilangan ahli keluarga.

(Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2022)

V. *Bantuan Khairat Kematian Kepada Waris Si Mati:*

Rajah 6: Bantuan khairat Kematian bagi tahun 2019-2022



Untuk khairat kematian, MAIK melalui Unit Dakwah memperuntukkan sebanyak RM 200.00 kepada keluarga si mati untuk membeli keperluan yang di perlukan. Kebiasaannya komuniti orang asli Islam akan menggunakan duit tersebut untuk membeli makanan dan minuman bagi menjamu keluarga yang hadir menziarahi mereka.

Pada tahun 2019 MAIK telah menyumbangkan bantuan khairat kematian kepada 7 orang penerima, pada tahun 2020 pula seramai 12 orang penerima yang menerima bantuan khairat kematian ini manakala pada tahun 2021 seramai 14 orang penerima dan pada tahun 2022 seramai 20 orang penerima bantuan khairat kematian. (Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2022)

VI. *Sumbangan Pembelian Mesin Rumput di Surau Perkampungan Orang Asli:*

MAIK merupakan sebuah badan tunggal yang bertanggungjawab dalam menjaga hal ehwal negeri Kelantan merangkumi kesemua hal berkaitan agama Islam termasuk keceriaan dan kebersihan. Tujuan sumbangan kepada surau adalah bagi memastikan kebersihan dan keceriaan surau dalam keadaan bersih.

Pembelian mesin rumput untuk kegunaan di surau perkampungan orang asli merupakan satu keperluan bagi menjamin kebersihan persekitaran surau. Dalam Islam telah disyariatkan perintah menjaga kebersihan sama ada rohani mahupun jasmani. Hal ini turut ditegaskan oleh Nabi Muhammad SAW dengan hadis baginda mafhumnya “Barang siapa yang mengeluarkan kotoran dari masjid maka Allah akan membangunkannya rumah di Syurga.” (*Sunan Ibnu Majah*, no. Hadis:

757, Dinilai *Dhoif* oleh *Al-Munziri*) (Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2019)

VII. Bayaran Bil Utiliti Surau Kampung Orang Asli:

Selain menyediakan infrastruktur, MAIK turut membayar bil utiliti surau bagi memastikan aktiviti ibadah dan pengimarah surau-surau tersebut kekal aktif tanpa perlu memikirkan sebarang kos yang perlu ditanggung sehingga boleh menjejaskan perjalanan dakwah di perkampungan orang asli.

Keperluan asas seperti bekalan elektrik merupakan satu keperluan yang sangat penting untuk digunakan semasa menjalankan kelas fardu ain atau lain-lain aktiviti keagamaan. Bagi tempat yang ketiadaan bekalan elektrik, pihak MAIK menyediakan “*Generator*” sebagai alat alternatif kepada ketiadaan bekalan elektrik untuk keselesaan komuniti orang asli semasa menuntut ilmu agama. (Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2022)

Pelbagai bentuk pertolongan yang telah dilakukan oleh MAIK terhadap komuniti orang asli Islam dalam meringankan bebanan yang di hadapi oleh komuniti mereka. Oleh kerana tolong menolong dasarnya adalah kebajikan, maka tidak hairan dengan kebajikan yang terjamin akan memberi kesan kepada komuniti orang asli yang masih belum Islam untuk mendekati Islam. Pelbagai tindakan yang telah dilaksanakan oleh MAIK telah membuatkan komuniti orang asli Islam merasa kebajikan mereka terjaga (Azmi Jaafar, 2023).

Menurut pandangan pengkaji, hal ini perlu diteruskan oleh MAIK agar kebajikan yang dijalankan dapat mengukuhkan lagi pandangan bahawasanya MAIK tidak hanya menjalankankerja dakwah dan pengislaman semata-mata namun turut melaksana dan menjayakan pelbagai bantuan di perkampungan komuniti orang asli.

4.5 Bantuan Kemanusiaan

Bantuan kemanusiaan disalurkan MAIK kepada kesemua komuniti orang asli tanpa mengira latar belakang agama. Pelbagai bantuan telah diagihkan sebagaimana berikut:

I. Hamper Makanan Covid 19

Ketika negara dilanda wabak pandemik Covid 19 dan sekatan perjalanan merentas daerah tidak dibenarkan atas sebab untuk mengekang penularan jangkitan virus Covid-19 ini, maka telah timbul masalah di mana komuniti orang asli di pedalaman yang bekerja sendiri tidak dapat keluar untuk bekerja dan berlakunya kekurangan bekalan makanan.

MAIK dengan bantuan agensi kerajaan yang lain telah mengambil satu inisiatif iaitu memberi bantuan hamper makanan kepada kesemua komuniti orang asli di negeri Kelantan yang berjumlah 4,100 ketua isi rumah padaketika itu. Bantuan agihan Hamper Covid 19 diberikan secara dua fasa kepada komuniti orang asli di seluruh negeri Kelantan. (Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2019)

II. Hamper Hari Raya

Hamper hari raya merupakan acara tahunan yang akan MAIK laksanakan di mana pada setiap kali tiba hari raya Aidilfitri, MAIK akan mengagihkan hamper hari raya kepada semua Ketua Isi Rumah (KIR) orang asli Islam. Agihan hamper ini bertujuan untuk membantu KIR orang asli Islam untuk menyediakan juadah sempena hari raya yang bakaltiba. Kebiasaannya agihan hamper ini akan diagihkan seminggu sebelum tibanya hari raya.

Semasa negara di landa wabak Pandemik Covid 19, pihak MAIK telah membuat keputusan untuk turut memberikan hamper hari raya kepada KIR komuniti orang asli di Negeri Kelantan tanpa mengira latar belakang agama bagi membolehkan mereka sama-sama meraikan hari raya.

Hamper Hari Raya tersebut mengandungi bekalan keperluan harian seperti barangan makanan kering seperti beras, tepung, minyak, garam, gula, ikan bilis, ayam rex, *cordial*, biskut raya dan banyak lagi. Tujuan pemberian hamper berkenaan adalah untuk memberi peluang kepada komuniti orang asli untuk merasa kemeriahan hari raya. (Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2020)

III. Sumbangan Kepada Ketua Isi Rumah Orang Asli Yang Terjejas Akibat Ancaman Harimau

MAIK telah menyalurkan bantuan kepada tiga pos orang asli yang terjejas akibat ancaman Harimau iaitu di Pos Balar, Pos Bihai dan Pos Belatim.

Agihan hamper makanan kepada penduduk komuniti orang asli di pos yang terlibat ini bermula pada bulan Januari 2022. Terdapat lebih dua ribu komuniti orang asli yang terjejas akibat daripada ancaman serangan harimau yang menyebabkan penduduk takut untuk masuk ke kawasan kebun, seterusnya mengakibatkan mereka hilang mata pencarian dan kekurangan bekalan makanan (Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli, 2022).

5. Kesimpulan

Islam merupakan agama kedamaian yang penuh dengan sifat tolong menolong. Islam mendidik penganutnya untuk sentiasa saling tolong menolong dan berlumba dalam melakukan kebajikan. Dalam kerancangan MAIK menyebarkan dakwah dalam komuniti orang asli, MAIK sama sekali tidak pernah mengabaikan kebajikan komuniti orang asli. Berdasarkan pelbagai bantuan yang disediakan melalui pembentangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah kepada orang asli maka jelaslah kebajikan yang dilaksanakan bukanlah sekadar ucapan atau kata-kata tetapi telah di buktikan melalui perbuatan dan tindakan yang telah dilaksanakan.

Hakikatnya, MAIK telah sekian lama menabur bakti di pendalaman sana dalam menjalankan aktiviti dakwah kepada komuniti orang asli, namun dalam masa yang sama tidak sama sekali mengeneppikan soal kebajikan dan kemanusiaan. Namun pelbagai cabaran yang terpaksa MAIK hadapi antaranya ialah tidak dapat menyantuni golongan yang memerlukan secepat mungkin, bantuan yang disalurkan lambat sampai kepada penerima dan masalah komunikasi. Hal ini disebabkan oleh faktor geografi penempatan dan pertuturan komuniti orang asli (Syukri, 2023).

Pelbagai bentuk dan kaedah yang telah MAIK laksanakan bagi menangani masalah yang dihadapi agar komuniti orang asli yang memerlukan bantuan tidak terus terpinggir. MAIK melalui kerjasama PMOA dan GAOA yang sentiasa berada di lapangan akan sentiasa membantu mereka yang memerlukan agar dapat disantuni secepat mungkin (Azmin, 2023). Walaubagaimanapun, MAIK sentiasa akan mengenal pasti kelemahan dan akan melakukan penambahbaikan dari masa ke semasa agar khidmat yang diberikan sentiasa terbaik. Pengkaji turut berpuas hati akan khidmat yang telah dilaksanakan oleh MAIK terhadap komuniti orang asli. Diharap usaha yang dilakukan ini akan membawa sinar harapan kepada perjalanan dakwah Islam terhadap komuniti orang asli.

Rujukan

- Al- Quran al-Karim.
Malaysia Buku Resmi Tahunan (1977). *Malaysia Buku Resmi Tahunan*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Abdul Talib Bon. (2003). *Kenali Kami Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat: Kolej Universiti Tun Hussein Onn
- Ab Ghani bin Jafar. (2023, February 16). Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan Kemanusiaan, Malaysia Kelantan (Temu Bual)
- Ab Rashid bin Bernas. (2023, February 16). Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan

- Kemanusiaan, Malaysia Kelantan (Temu Bual)
- Aris bin Rami. (2023, February 15). Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan Kemanusiaan, Malaysia Kelantan (Temu Bual)
- Aris bin Itam Tambo, (2023, Februari 15). (2023, January 13). Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan Kemanusiaan, Malaysia Kelantan (Temu Bual)
- Burtless, G., & Smeeding, T. M. (2001). The Level, Trend, and Composition of Poverty. In S. H. Danziger, & R. H. Haveman, Understanding Poverty. Cambridge, Massachusetts, and London: Harvard University Press.
- Batson, C.D. (1991). *The Altruism Question*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Fehr, E. & Fischbacher, U. (23 Oktober 2003). The Nature Of Human Altruism. Dalam *Nature*, 425, 785 – 791
- Hardjono, & Fadri Kirana Anggarani (2019). Konsep kemiskinan (subjektif) dalam benak masyarakat Indonesia: konstruk dan indikatornya, Program Studi Psikologi, Fakultas Kedokteran, Universitas Sebelas Maret, Surakarta
- Hood Saleh. (1985). *Orang Asli: Siapa Mereka*. Kuala Lumpur: Dewan Budaya, DBP.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). Pelan Strategik Komuniti Orang Asli: 2011-2015. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang Asli
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2012. Program Pembangunan Ekonomi. Atas talian:<http://www.jakoa.gov.my/> [16 Disember 2012]
- Juli Edo dan rakan-rakan. (2008). Kemiskinan orang Asli bandar. Kertas kerja dibentangkan dalam *International Conference on Indigenous People (ICIP), 2008*, anjuran The Center of Poverty and Development Studies (CPDS), 29-31 Julai, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Malaya.
- Jumaat bin Abok, (2023, Januari 13). Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan Kemanusiaan, Malaysia Kelantan (Temu Bual)
- Kamus Dewan (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. 2019. *Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah Kepada Orang Asli Dan Bukan Islam Bilangan 1/2019*
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. 2020. *Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah Kepada Orang Asli Dan Bukan Islam Bilangan 1/2020*
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. 2021. *Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah Kepada Orang Asli Dan Bukan Islam Bilangan 1/2021*
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. 2022. *Mesyuarat Jawatankuasa Dakwah Kepada Orang Asli Dan Bukan Islam Bilangan 1/2022*
- Ma'rof, R. (2010). Pembangunan dan kemunduran komuniti peribumi: Kes kemiskinan dalam komuniti Orang Asli. Dlm. Laily, P. & Sharifah, A. H. (Pyt.), *Kemiskinan di Malaysia: Isu fundamental dan paparan reality* (him. 96-131). Serdang, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Azmi bin Jaafar. (2023, January 11) Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan Kemanusiaan Malaysia Kelantan (Temu Bual)
- Muhammad Syukri bin Jusoh (2023, Januari 13). Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan Kemanusiaan, Malaysia Kelantan (Temu Bual)
- Muhamad Sani bin Nahtiman. (2023, February 15). Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan Kemanusiaan, Malaysia Kelantan (Temu Bual)
- Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah. (2003). *Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Zuhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (Eds.).

- Bentong, Pahang: Ts Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Nur Faaizah Md Adam dan Mohd Sharifudin Yusop. (2020). Sejarah, Adat dan Warisan Orang Asli Jahut di Pahang. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1), 83- 108.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don, Abu Dardaa Mohamad. (2010). Dakwah Kepada Golongan Muallaf Orang Asli Di Kelantan. *Jurnal al-Hikmah*, vol.4, jil.4.
- Saa bin Alang. (2023, February 15). Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan Kemanusiaan, Malaysia Kelantan (Temu Bual)
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Pengurusan Muallaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Journal Al-'Abqari* 16: 133-155.
- Siti Farahida binti Fauzi. (2022, December 26). Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan Kemanusiaan, Malaysia Kelantan (Temu Bual)
- Sinar Harian. (2022 Januari 08). Ancaman Harimau Belang, Orang Asli Takut Keluar Bekerja
- Syeimi bin Hek. (2023, February 15). Peranan MAIK Terhadap Komuniti Orang Asli Di Negeri Kelantan: Analisis Berkaitan Kebajikan Dan Kemanusiaan, Malaysia Kelantan (Temu Bual)